

See discussions, stats, and author profiles for this publication at: <https://www.researchgate.net/publication/338186730>

KUMPULAN ISI RUMAH BERPENDAPATAN 40 PERATUS TERENDAH (B40) DI MALAYSIA: MENGENAL PASTI TREND, CIRI, ISU DAN CABARAN

Chapter · December 2019

CITATIONS

0

READS

1,079

4 authors, including:



Siwar Chamhuri

Universiti Kebangsaan Malaysia

330 PUBLICATIONS 2,277 CITATIONS

SEE PROFILE



Khairi Ismail

16 PUBLICATIONS 0 CITATIONS

SEE PROFILE



Nurul Ashikin Alias

Institute for Environment and Development (LESTARI), Universiti Kebangsaan Malaysia

11 PUBLICATIONS 0 CITATIONS

SEE PROFILE

Some of the authors of this publication are also working on these related projects:



Malaysia's East Coast Flood 2014: Pahang [View project](#)



Climate Change, Agriculture and Food Security in Malaysia [View project](#)

KUMPULAN ISI RUMAH BERPENDAPATAN 40 PERATUS TERENDAH (B40) DI MALAYSIA: MENGENAL PASTI TREND, CIRI, ISU DAN CABARAN

*Chamhuri Siwar, Mohd Khairi Ismail, Nurul Ashikin Alias & Siti Zalikha Zahari
Institut Alam Sekitar & Pembangunan (LESTARI)
Universiti Kebangsaan Malaysia*

PENGENALAN

Pembasmian kemiskinan merupakan salah satu matlamat pembangunan lestari (*Sustainable Development Goals*) yang digariskan oleh Bank Dunia dilihat bukan sahaja dapat membantu mengurangkan ketidaksamaan pendapatan (Jain-chandra et. al 2016) malah dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi (Ijaiya et. al 2011). Pembasmian kemiskinan juga menjadi strategi utama Malaysia semenjak kemerdekaan. Malaysia telah berjaya menurunkan kadar kemiskinan daripada 49.3 peratus pada tahun 1970 kepada 0.4 peratus pada tahun 2016 (Jabatan Perangkaan Malaysia 2016). Penurunan ini merupakan suatu kejayaan kepada negara daripada aspek pelaksanaan dasar dan program pembangunan yang berkesan.

Walaupun begitu, isu kemiskinan di Malaysia masih menjadi tumpuan di samping ketidaksamaan pendapatan yang tinggi, yang dilihat tidak berubah di Malaysia, boleh memecahbelahkan masyarakat dan menggugat kestabilan ekonomi, politik dan sosial (Stiglitz 2014). Kerajaan berusaha untuk terus mengatasi masalah ini menerusi pelbagai polisi dan program. Pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe 11) menunjukkan usaha untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat bukan hanya melibatkan golongan miskin tegar tetapi kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah atau dikenali sebagai golongan B40. Golongan B40 juga merupakan kumpulan yang diberikan keutamaan dalam mencapai kemiskinan sifar daripada pelbagai dimensi menjelang tahun 2030 (United Nations 2016; World Bank 2017).

Sekiranya isi rumah B40 terus berada dalam kedudukan sosioekonomi semasa mereka, ini akan meningkatkan kos sosial kepada negara melalui pengurangan bilangan tenaga kerja

berkemahiran yang diperlukan dan seterusnya memberikan kesan kepada pertumbuhan keluaran negara. Di samping itu, ini juga akan menyebabkan ketidakseimbangan bandar yang berterusan dan menjejaskan potensi pertumbuhan ekonomi di luar bandar dan pinggir bandar. Oleh itu, pihak kerajaan perlu melaksanakan strategi bagi meningkatkan pendapatan isi rumah B40. Dalam keadaan Malaysia terus membangun, isi rumah B40 tidak wajar dipinggirkan daripada menikmati peluang yang terhasil daripada kemakmuran negara. Isi rumah B40, tanpa mengira etnik perlu diberikan tumpuan, terutamanya isi rumah miskin dan berpendapatan rendah di bandar dan luar bandar serta isi rumah mudah terjejas dan aspirasi. Saiz dan komposisi isi rumah kelas menengah akan meningkat kepada 45 peratus menjelang tahun 2020. Purata pendapatan isi rumah B40 akan ditingkatkan daripada RM2,537 pada tahun 2014 kepada RM5,270 pada tahun 2020. Lebih banyak isi rumah B40 berpendidikan tertiar daripada 9 peratus pada tahun 2014 kepada 20 peratus pada tahun 2020. Bahagian pendapatan isi rumah B40 kepada pendapatan isi rumah nasional akan meningkat daripada 16.5 peratus pada tahun 2014 kepada 20 peratus pada tahun 2020 (Malaysia 2015).

Bab ini akan membincangkan kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40) di Malaysia. Perbincangan bab dibahagi kepada enam bahagian. Bahagian pertama dan kedua adalah pengenalan dan konsep, penentuan, dan kaedah penilaian golongan B40. Bahagian ketiga membincangkan metodologi penulisan dan seterusnya bahagian keempat adalah analisis data. Bagi bahagian perbincangan dan kesimpulan, ia dibincangkan dalam bahagian kelima dan keenam.

KONSEP, PENENTUAN DAN KAEDAH PERNILAIAN GOLONGAN B40

Kelas pendapatan isi rumah boleh dibahagikan kepada tiga kumpulan iaitu isi rumah yang memperolehi pendapatan 40 peratus terendah, daripada jumlah keseluruhan pendapatan rakyat Malaysia (B40), Isi rumah yang memperolehi pendapatan 41 peratus kepada 80 peratus daripada jumlah keseluruhan pendapatan rakyat Malaysia (M40), dan Isi rumah yang memperolehi pendapatan 20 peratus tertinggi daripada jumlah keseluruhan pendapatan rakyat Malaysia (T20). Garis pemisah berdasarkan pendapatan telah digunakan untuk menentukan ketiga-tiga golongan ini di mana golongan B40 adalah isi rumah berpendapatan RM4,360 dan ke bawah. Manakala isi

rumah kumpulan M40 dan T20 adalah masing-masing berpendapatan RM4,361 – RM9,619 dan RM9, 620 dan keatas (Laporan Penyiasatan Perbelanjaan Isirumah 2016).

Penentuan kelas pendapatan di Malaysia iaitu kumpulan B40, M40 dan T20 adalah berasaskan garis pendapatan. Penggunaan garis pendapatan seperti ini telah lama digunakan di Malaysia. Contohnya, bagi mengukur kemiskinan, Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) telah digunakan sejak tahun 1970. Namun pengukuran ini mempunyai kelemahan kerana pengkategorian hanya berasaskan pendapatan sahaja. Meskipun PGK dapat menentukan kategori kemiskinan, namun ia tidak dapat menerangkan secara terperinci isu kemiskinan tersebut. Bagi penentuan kumpulan B40, M40 dan T20 berasaskan konsep kemiskinan relatif, namun masih berpaksikan kepada aspek pendapatan semata-mata. Penentuan menggunakan pendapatan ini hanya dapat menentukan golongan B40 tetapi tidak dapat menghuraikan secara terperinci keadaan yang dihadapi oleh isi rumah B40. Hal ini menyebabkan isu golongan B40 tidak dapat dibincangkan secara holistik.

Pada RMKe 11, kerajaan Malaysia telah memperkenalkan Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (IKPD). Pengukuran ini adalah pengukuran kemiskinan relatif yang diamalkan oleh negara maju. IKPD dapat melengkapkan PGK sedia ada kerana mengambil kira tiga dimensi tambahan iaitu kesihatan, pendidikan dan taraf hidup. Pengukuran ini membolehkan pihak bertanggungjawab untuk mengukur dan memantau kemiskinan dari persektif pelbagai dimensi. MPI mengukur akses kepada kemudahan dan perkhidmatan asas yang membantu mobiliti sosial dan membolehkan analisis berasaskan intensiti, dan seterusnya mengenal pasti keperluan isi rumah berpendapatan rendah dengan lebih jelas. Penggunaan IKPD akan memastikan peralihan pertimbangan sesuatu dasar melangkaui isu kemiskinan termasuk isi rumah mudah terjejas.

Jadual 2.1 menunjukkan Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (IKPD) yang terdapat dalam RMKe 11 untuk mengukur akses kepada kemudahan dan perkhidmatan asas yang membantu mobiliti sosial dan membolehkan analisis berasaskan intensiti, dan seterusnya mengenal pasti keperluan isi rumah B40. Terdapat empat dimensi dan 11 indikator yang mempunyai wajaran berbeza. Penentuan wajaran ini berasaskan kepada kaedah Alkire (2007) yang mana jumlah wajaran adalah satu. Nilai akan dibahagikan mengikut bilangan dimensi iaitu empat berdasarkan kepada jadual. Bagi dimensi Pendidikan ia membawa kepada nilai wajaran $\frac{1}{4}$ dan nilai ini dibahagi mengikut bilangan indikator. Bagi dimensi pendidikan, bilangan indikator adalah dua iaitu tahun pendidikan, oleh itu nilai $\frac{1}{4}$ dibahagikan dengan dua dan setiap indikator

mempunyai nilai wajaran sebanyak 1/8. Isi rumah yang mengalami ketersisihan dalam sekurang-kurangnya satu pertiga daripada jumlah indikator wajaran dianggap sebagai mudah terjejas atau berhadapan dengan risiko menjadi miskin dari pelbagai dimensi. Pendekatan IKPD ini akan memberi maklumat yang lebih baik kerana pembuat polisi dapat merangka polisi yang bersasar kerana bergantung kepada jenis kekurangan yang dihadapi oleh isi rumah.

Jadual 2.1: Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (IKPD)

Dimensi	Indikator	Garis pemisah garisan kemiskinan	Wajaran
Pendidikan	Tahun pendidikan	Semua ahli isi rumah berumur 17-60 tahun mempunyai kurang daripada 11 tahun persekolahan	1/8
	Kehadiran ke sekolah	Kanak-kanak antara 6-16 tahun yang tidak bersekolah	1/8
Kesihatan	Kemudahan	Jarak kepada kemudahan kesihatan melebihi tiga (3) km dan tiada kemudahan klinik kesihatan bergerak disediakan	1/8
	Bekalan air bersih	Selain daripada bekalan air terawat di dalam rumah dan paip air awam/ paip berdiri	1/8
Tarf hidup	Keadaan tempat tinggal	Usang atau mulai buruk	1/24
	Bilik tidur	Lebih 2 ahli isi rumah/bilik	1/24
	Tandas	Selain daripada tandas pam	1/24
	Kutipan sampah	Tiada kemudahan	1/24
	Pengangkutan	Semua ahli isi rumah sama ada tidak menggunakan pengangkutan persendirian atau pengangkutan awam	1/24
	Komunikasi asas	Tidak memiliki telefon talian tetap atau telefon bimbit	1/24
Pendapatan	Pendapatan	Pendapatan bulanan purata isi rumah kurang daripada PGK	1/4

Sumber: Malaysia (2015)

METODOLOGI KAJIAN

Penulisan ini menggunakan data sekunder yang diperoleh daripada laporan-laporan yang diterbitkan oleh agensi kerajaan seperti Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, Unit Perancangan Ekonomi, Institut Penyelidikan Khazanah Nasional, dan Jabatan Perangkaan Malaysia. Data-data yang diperoleh dianalisis menggunakan analisis diskriptif melibatkan jadual, carta pai dan graf bar. Pemilihan analisis diskriptif ini bersesuaian dengan objektif penulisan yang membincangkan trend dan data bagi ciri-ciri B40.


ANALISIS DATA

Trend Golongan B40 di Malaysia

Rajah 2.1 menunjukkan taburan isi rumah B40 mengikut negeri di Malaysia. Berdasarkan kepada jadual, negeri Selangor menunjukkan peratusan tertinggi diikuti negeri Perak dan Johor. Peratusan tinggi di negeri Selangor adalah disebabkan tumpuan peluang pekerjaan yang tertumpu di negeri tersebut. Kumpulan B40 ini bertumpu di kawasan bandar yang menyediakan pelbagai peluang pekerjaan terutama dalam sektor pembuatan, perkilangan dan perkhidmatan. Wilayah Persekutuan Putrajaya menunjukkan peratusan terendah berbanding negeri lain. Keadaan ini disebabkan kawasan tersebut mempunyai penduduk yang kecil bersesuaian dengan kawasannya. Selain itu, negeri-negeri kecil seperti Perlis dan Melaka menunjukkan peratusan isi rumah B40 yang rendah.


Rajah 2.1 juga menunjukkan terdapat perbezaan yang ketara bagi jumlah isi rumah B40 antara bandar dan luar bandar. Negeri Selangor dan Perak menunjukkan jurang bilangan isi rumah B40 yang tinggi. Keadaan ini disebabkan wujud tumpuan terhadap kawasan bandar di negeri-negeri tersebut yang menawarkan peluang pekerjaan dengan gaji bawah RM3,860 dan menyebabkan kebanyakan mereka dikategorikan B40. Bagi negeri Perlis, Sabah, dan Pahang, perbezaan jumlah isi rumah B40 antara bandar dan luar bandar adalah kecil berbanding negeri lain.

Rajah 2.1: Taburan B40 Mengikut Negeri (2016)



Sumber: Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (2018)

Rajah 2.2 pula menunjukkan penempatan golongan B40 mengikut strata bagi kawasan bandar dan luar bandar bagi tahun 2016. Berdasarkan kepada carta pai, kawasan bandar menunjukkan majoriti tumpuan golongan isi rumah B40 dengan peratusan 65 peratus berbanding kawasan luar bandar yang hanya mencatat 35 peratus. Statistik menunjukkan perbezaan berbanding tahun 2014 dimana 63.1 peratus B40 adalah di kawasan bandar dan selebihnya di kawasan luar bandar. Kawasan luar bandar menunjukkan bilangan yang lebih rendah bagi golongan B40 disebabkan tumpuan masyarakat adalah di kawasan luar bandar yang kurang dan peluang pekerjaan lebih banyak kawasan bandar. Meskipun kawasan bandar menjadi tumpuan, penawaran gaji mengikut pekerjaan masih rendah dan sebilangan besar menerima gaji kurang daripada RM3860 dan menyebabkan mereka dikategori sebagai B40. Hal ini antara faktor menyebabkan golongan B40 di kawasan bandar adalah tinggi. Bagi membantu golongan B40 khususnya di kawasan bandar, kerajaan memperkenalkan pelbagai insentif.



Rajah 2.2: Penempatan golongan B40 mengikut strata pada 2016 (peratus)

Sumber: Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (2018)

Jadual 2.2 pula menunjukkan purata pendapatan, pendapatan penengah dan syer pendapatan mengikut kumpulan isi rumah kumpulan pendapatan 20% tertinggi (T20), 40% pertengahan (M40) dan 40% terendah (B40) untuk tahun 2014 dan 2016. Purata pendapatan bagi ketiga-tiga kumpulan ini menunjukkan peningkatan pada tahun 2016 berbanding tahun 2014. Bagi kumpulan pendapatan 40% terendah (B40) menunjukkan peningkatan pendapatan purata dari RM2,537 (tahun 2014) kepada RM2,848 (tahun 2016). Selain purata pendapatan bagi ketiga-tiga kumpulan, trend yang sama turut ditunjukkan bagi nilai pendapatan penengah bagi ketiga-tiga kumpulan. Bagi kumpulan B40, pendapatan penengah telah meningkat dari RM2,629 kepada RM3,000. Meskipun peningkatan ini tidak sebesar peningkatan kumpulan T20 dan M40, namun ia menunjukkan golongan B40 menerima pendapatan yang lebih tinggi daripada sebelumnya. Peningkatan pendapatan golongan B40 ini seterusnya menyumbang kepada perubahan syer pendapatan. Keadaan ini dapat dibuktikan menerusi penurunan syer pendapatan kumpulan B40 iaitu dari 16.8 peratus pada tahun 2014 kepada 16.4 peratus pada tahun 2016.

Jadual 2.2: Purata pendapatan, Pendapatan Penengah dan Syer Pendapatan
Mengikut Kumpulan Isi Rumah (2014-2016)

Kelas Pendapatan	Purata Pendapatan (RM)		Pendapatan Penengah (RM)		Syer Pendapatan (%)	
	2014	2016	2014	2016	2014	2016
Kumpulan Pendapatan	2014	2016	2014	2016	2014	2016
20% tertinggi	14,350	16,088	11,610	13,148	46.1	46.2
40% pertengahan	5,662	6,502	5,465	6,275	37.1	37.4
40% terendah	2,537	2,848	2,629	3,000	16.8	16.4


Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (2018)

CIRI-CIRI KUMPULAN B40

Kumpulan isi rumah B40 merujuk kepada isi rumah yang berpendapatan bulanan tidak melebihi RM4,360.00. Berdasarkan ukuran pendapatan, B40 merangkumi tiga kumpulan iaitu miskin tegar, miskin, dan kumpulan yang berpendapatan kurang RM4,360.00. Terdapat beberapa ciri-ciri berkaitan isi rumah B40 di Malaysia;

1. Bergantung Satu Pendapatan

Kebergantungan kepada satu pendapatan merupakan faktor utama ciri-ciri kumpulan isi rumah B40. Pada tahun 2014, kira-kira 64.7 peratus isi rumah B40 adalah bergantung kepada satu sumber pendapatan dan menyebabkan mereka mudah terdedah kepada kejutan dan tekanan yang berpotensi menjejaskan kehidupan mereka. Pada tahun 2014, upah bekerja merupakan penyumbang utama kepada pendapatan B40 iaitu 49.5 peratus diikuti 19.2 peratus bekerja sendiri; 12.6 peratus bekerja dalam sektor hartanah dan pelaburan serta 18.8 peratus yang lain memperoleh pindahan semasa dan penerimaan (Institut Penyelidikan Khazanah 2016) (Rajah 2.3).



Rajah 2.3: Jenis Pekerjaan yang Menyumbang Pendapatan Isi Rumah B40 (peratus)

Sumber: Institut Penyelidikan Khazanah (2016)

2. Pekerjaan Berkemahiran dan Bernilai Tambah Rendah


Majoriti ketua isi rumah B40 menceburi pekerjaan bergaji rendah termasuk 21.7 peratus dalam perkhidmatan dan jualan, manakala 18.2 peratus adalah pekerja mahir berasaskan pertanian, perhutanan dan perikanan. Di bandar sebanyak 26.5 peratus ketua isi rumah bekerja dalam perkhidmatan dan jualan; 19.9 peratus sebagai operator loji dan mesin; dan 15.4 peratus sebagai pekerja kemahiran dan pertukangan yang berkaitan. Manakala, di luar bandar pula sebanyak 39.3

peratus bekerja sebagai pekerja mahir berasaskan pertanian, perhutanan dan perikanan (Malaysia, 2015).

Lebih kurang 25 peratus ketua isi rumah orang asli terlibat dalam aktiviti pertanian dan perladangan berskala kecil manakala lebih 20 peratus merupakan pekerja perkhidmatan dan 14.9 peratus bekerja sendiri. Dianggarkan 45.6 peratus Bumiputera Sabah dan 50.3 peratus Bumiputera Sarawak bekerja sendiri. Sebahagian besar daripadanya terlibat dalam sektor berasaskan pertanian, perhutanan dan perikanan, manakala 0.9 peratus merupakan majikan dalam aktiviti bernilai tambah rendah. Ini menyebabkan pendapatan mereka jauh lebih rendah daripada pendapatan nasional. Analisis ke atas paras gaji yang diterima oleh isi rumah B40 menunjukkan bahawa gaji purata bagi isi rumah B40 adalah sebanyak RM1,883 pada tahun 2014, berbanding gaji purata nasional sebanyak RM4,722 (Jabatan Perangkaan Malaysia 2014).

3. Pola Perbelanjaan

Pola perbelanjaan isi rumah adalah berhubungan langsung dengan pendapatan. Rajah 2.4 menunjukkan peratusan purata perbelanjaan bulanan isi rumah B40 pada tahun 2014. Purata perbelanjaan bulanan isi rumah B40 meningkat 10.1 peratus kepada RM2,015 pada tahun 2014 berbanding RM1,248 pada tahun 2009. Manakala, perbelanjaan bulanan isi rumah tanpa subsidi dijangkakan meningkat kepada RM2,579 (Malaysia 2015). Analisis pola perbelanjaan isi rumah B40 menunjukkan sebanyak 62.6 peratus perbelanjaan penggunaan bulanan diperuntukkan terhadap makanan, perumahan dan pengangkutan (Malaysia 2015) (Rajah 2.4).




Rajah 2.4: Purata Perbelanjaan Bulanan Isi Rumah B40, Malaysia, 2014 (Peratus)

Sumber: Malaysia, 2015

4. Peningkatan Kos Sara Hidup

Peningkatan kos sara hidup merupakan isu utama yang dihadapi oleh isi rumah B40. Perbelanjaan bulanan purata isi rumah meningkat 10.1 peratus setahun daripada RM1,248 pada tahun 2009 kepada RM2,015 pada tahun 2014. Perbelanjaan bulanan isi rumah tanpa subsidi dijangka akan meningkat kepada RM2579. Kecenderungan tabungan yang rendah dalam kalangan isi rumah B40 akan memberi kesan lebih besar kepada keperluan kewangan isi rumah B40. Rajah 2.5 menunjukkan Indeks Harga Pengguna (IHP) yang berterusan meningkat bermula tahun 2011 hingga 2015. Kadar inflasi lebih tinggi di negeri dengan tahap pembedaan yang tinggi seperti Kuala Lumpur, Selangor, Putrajaya, Pulau Pinang dan Johor pada tahun 2015 (BNM 2016). Jadual 2.3 menunjukkan perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata di bandar lebih tinggi berbanding luar bandar bagi tempoh 2009 dan 2016.



Rajah 2.5: Indeks Harga Pengguna (IHP) Malaysia, 2011-2015

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (2015); BNM(2016)

Jadual 2.3: Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata bandar dan luar bandar 2009-2014

Tahun	2009	2014	2016
Bandar	RM 2,465	RM 3,921	RM 4,402
Luar bandar	RM 1,599	RM 2,431	RM2,725

Sumber : Laporan Penyiasatan Perbelanjaan Isirumah 2016

5. Pencapaian Pendidikan dan Kemahiran Bekerja Rendah

Tahap pencapaian pendidikan yang rendah telah menjejaskan keupayaan isi rumah B40 untuk mendapat pekerjaan bergaji tinggi atau menceburi aktiviti perniagaan. Hanya 36.4 peratus ketua isi rumah memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan setaraf sementara 36 peratus tidak mempunyai sijil pendidikan. Sebanyak 84.6 peratus ketua isi rumah B40 mendapat pendidikan peringkat menengah dan ke bawah. Tahap pendidikan yang rendah menyebabkan 89.9 peratus ketua isi rumah B40 bekerja dalam pekerjaan berkemahiran rendah dan separuh mahir (Malaysia 2015).

Kadar keciciran yang tinggi telah dikenal pasti sebagai satu daripada punca pencapaian pendidikan yang rendah dalam kalangan isi rumah B40, terutamanya orang asli di Semenanjung Malaysia, Bumiputera di Sabah dan Bumiputera di Sarawak. Hal ini disebabkan oleh kurangnya minat untuk bersekolah, keadaan rumah yang tidak kondusif, kurang sokongan ibu bapa dan kesedaran yang rendah tentang kepentingan pendidikan dalam kalangan isi rumah B40. Berdasarkan kepada Laporan Pembangunan Millenium (MDGs) Malaysia pada tahun 2015, golongan B40 masih mempunyai pencapaian Pendidikan dan kemahiran yang rendah. Dianggarkan 89.9 peratus ketua isi rumah B40 kemahiran rendah dalam pekerjaan yang membawa kepada pendapatan yang rendah walaupun 84.6 peratus daripada mereka mempunyai Pendidikan sekolah menengah.

6) Keberhutangan yang Tinggi

Tahap keberhutangan yang tinggi dalam kalangan B40 juga mempengaruhi kedudukan kewangan mereka kerana kecenderungan dalam membuat pinjaman peribadi untuk menampung perbelanjaan harian. Jadual 2.4 menunjukkan tahap keberhutangan isi rumah berpendapatan RM3,000 sebulan ke bawah adalah tujuh kali pendapatan tahunan mereka pada tahun 2014. Manakala, isi rumah berpendapatan RM5,000 sebulan ke bawah tahap keberhutangan adalah antara tiga ke empat kali pendapatan tahunan (Malaysia 2015). Nisbah hutang isi rumah B40 kepada KDNK ialah 89.1 peratus pada tahun 2016 (BNM 2016).


Jadual 2.4 : Nisbah Keberhutangan Isi rumah

Pendapatan	Nisbah Hutang
RM 3,000 & ke bawah	7 kali dari pendapatan tahunan
RM 5,000 ke bawah	3 - 4 kali dari pendapatan tahunan

Sumber: Malaysia (2015)

7. Ketidakmampuan Pemilikan Rumah

Berdasarkan Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah (HIS), 2014, rajah 2.6 menunjukkan lebih kurang 15.9 peratus isi rumah B40 di luar bandar dan 33.9 peratus di bandar dan tidak memiliki rumah, terutamanya di kawasan bandar seperti Kuala Lumpur, Johor Bharu, dan Geogetown (Malaysia 2015). Berdasarkan *World Bank Affordability Index* (WBAI), indeks harga perumahan bagi Malaysia meningkat 6.7 peratus pada tahun 2009 kepada 10.1 pada tahun 2012.



Rajah 2.6: Isi Rumah B40 Tidak Memiliki Rumah Mengikut Strata, 2014 (Peratus)

Sumber: Malaysia, 2015

ISU DAN CABARAN B40

Program yang dilaksanakan sepanjang tempoh RMKe 10 telah berhasil meningkatkan taraf hidup isi rumah golongan B40. Walau bagaimanapun, jurang sosioekonomi masih wujud, terutamanya dalam kalangan isi rumah B40 dan kumpulan mudah terjejas. Terdapat lapan isu dan cabaran telah dikenal pasti dan perlu ditangani melalui langkah yang lebih proaktif iaitu;

1. Pencapaian Pendidikan dan Penguasaan Kemahiran yang Rendah

Tahap pencapaian pendidikan yang rendah telah menjejaskan keupayaan isi rumah B40 untuk mendapat pekerjaan bergaji tinggi atau menceburi aktiviti perniagaan. Tambahan pula, tahap pendidikan yang rendah juga menyebabkan 89.9 peratus ketua isi rumah B40 bekerja dalam pekerjaan berkemahiran rendah dan separuh mahir. Manakala, kadar keciciran yang tinggi telah dikenal pasti sebagai satu daripada punca pencapaian pendidikan yang rendah dalam kalangan isi rumah B40, terutamanya orang asli di Semenanjung Malaysia, Bumiputera di Sabah dan Bumiputera di Sarawak. Hal ini disebabkan oleh kurangnya minat untuk bersekolah, keadaan rumah yang tidak kondusif, kurang sokongan ibu bapa dan kesedaran yang rendah tentang kepentingan pendidikan dalam kalangan isi rumah B40 telah menyumbang kepada kadar keciciran yang tinggi.

2. Pekerjaan Berkemahiran dan Bernilai Tambah Rendah

Majoriti ketua isi rumah B40 menceburi pekerjaan bergaji rendah termasuk 21.7 peratus dalam perkhidmatan dan jualan, manakala 18.2 peratus adalah pekerja mahir berasaskan pertanian, perhutanan dan perikanan. Di bandar pula sebanyak 26.5 peratus ketua isi rumah bekerja dalam perkhidmatan dan jualan, 19.9 peratus sebagai operator loji dan mesin dan 15.4 peratus sebagai pekerja kemahiran dan pertukangan yang berkaitan. Sementara itu, di luar bandar pula sebanyak 39.3 peratus bekerja sebagai pekerja mahir berasaskan pertanian, perhutanan dan perikanan. Lebih kurang 25 peratus ketua isi rumah orang asli terlibat dalam aktiviti pertanian dan perladangan berskala kecil manakala lebih 20 peratus merupakan pekerja perkhidmatan dan 14.9 peratus bekerja sendiri.

Dianggarkan lebih kurang 45.6 peratus Bumiputera Sabah dan 50.3 peratus Bumiputera Sarawak bekerja sendiri. Sebahagian besar daripadanya terlibat dalam sektor berasaskan pertanian, perhutanan dan perikanan manakala 0.9 peratus merupakan majikan dalam aktiviti

bernilai tambah rendah. Ini menyebabkan pendapatan mereka jauh lebih rendah daripada pendapatan nasional. Analisis ke atas paras gaji yang diterima oleh isi rumah B40 menunjukkan bahawa gaji purata bagi isi rumah B40 adalah sebanyak RM1,883 pada tahun 2014, berbanding gaji purata nasional sebanyak RM4,722.

3. Kurang Keupayaan Keusahawanan

Kebanyakan isi rumah B40 terlibat dengan perusahaan kecil dan mikro. Perusahaan ini lebih menumpukan kepada sektor bernilai tambah rendah seperti pembuatan, pemborongan, peruncitan dan pengangkutan. Walaupun pelbagai skim pembiayaan disediakan, orang asli di Semenanjung Malaysia, Bumiputera di Sabah dan Bumiputera di Sarawak kurang mendapat akses kepada skim pembiayaan tersebut, terutamanya di kawasan pedalaman. Ketidakupayaan memenuhi syarat yang ditetapkan telah menghadkan keupayaan usahawan untuk mengembangkan perniagaan mereka.

4. Peningkatan dalam Kos Sara Hidup

Peningkatan kos sara hidup merupakan isu utama yang dihadapi oleh isi rumah B40. Perbelanjaan bulanan purata isi rumah B40 meningkat 10.1 peratus setahun daripada RM1,248 pada tahun 2009 kepada RM2,015 pada tahun 2014. Perbelanjaan bulanan isi rumah tanpa subsidi dijangka akan meningkat kepada RM2,579. Kecenderungan tabungan yang rendah dalam kalangan isi rumah B40 akan memberi kesan lebih besar kepada keperluan kewangan isi rumah B40. Berdasarkan Laporan Bank Negara Malaysia (BNM) (2013), tabungan isi rumah berpendapatan rendah adalah tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan selepas umur persaraan.

5. Keberhutangan yang Tinggi

Tahap keberhutangan yang tinggi dalam kalangan isi rumah B40 juga mempengaruhi kedudukan kewangan mereka kerana kecenderungan mereka membuat pinjaman peribadi untuk menampung perbelanjaan harian. Pada tahun 2014, tahap keberhutangan isi rumah berpendapatan RM3,000 sebulan ke bawah adalah tujuh kali pendapatan tahunan mereka. Manakala, bagi isi rumah berpendapatan RM5,000 sebulan ke bawah pula tahap keberhutangan adalah antara tiga ke empat kali pendapatan tahunan.

6. Pelaksanaan Program Jaringan Keselamatan secara Solo dan Berasingan

Program Jaringan Keselamatan (SSN) di Malaysia dilaksanakan secara berasingan dan tidak disasarkan dengan tepat, mengakibatkan timbul isu *inclusion and exclusion error*. Isu *inclusion error* melibatkan isi rumah yang tidak layak menerima bantuan namun telah didaftarkan dan menerima manfaat daripada program tersebut. Manakala isu *exclusion error* pula melibatkan isi rumah yang layak menerima bantuan namun tidak berdaftar sebagai penerima dan tidak mendapat manfaat. Pelaksanaan program SSN yang berasaskan projek atau berorientasikan agensi telah mengakibatkan pertindihan program dan kumpulan sasar.

7. Ketidakupayaan Memiliki Rumah

Berdasarkan Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah (HIS) 2014, lebih kurang 15.9 peratus isi rumah B40 di luar bandar dan 33.9 peratus isi rumah di bandar tidak memiliki rumah, terutamanya di kawasan bandar seperti Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Georgetown. Dianggarkan lebih kurang 30.1 peratus isi rumah B40 dengan lebih daripada empat ahli isi rumah mendiami rumah dengan satu atau dua bilik. Di samping itu, harga rumah teres di kawasan bandar pula meningkat sebanyak lapan kali pendapatan purata isi rumah B40 pada tahun 2012. Oleh itu, keperluan perumahan dalam kalangan isi rumah B40 masih tidak mencukupi bagi memenuhi keperluan perumahan bagi masyarakat di luar bandar.

8. Capaian Terhadap kepada Perkhidmatan Kesihatan yang Berkualiti

Isi rumah B40 di bandar bergantung kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan awam disebabkan bayaran lebih tinggi yang dikenakan oleh perkhidmatan penjagaan kesihatan swasta. Tumpuan kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan awam yang tinggi telah menyebabkan kesesakan bagi mendapat kemudahan berkenaan dan masa menunggu rawatan yang lama. Di luar bandar, capaian isi rumah B40 kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan adalah terhad disebabkan kekurangan pengangkutan dan kemudahan. Hal ini disebabkan oleh kawasan penempatan yang berselerak dan kepadatan penduduk yang rendah dalam kawasan yang luas. Sejumlah besar kemudahan penjagaan kesihatan awam di kawasan ini disediakan melalui klinik asas dan klinik bergerak serta perkhidmatan doktor udara. Kekerapan perkhidmatan penjagaan kesihatan bergerak tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan penjagaan kesihatan di kawasan berkenaan, terutamanya penempatan orang asli di Semenanjung Malaysia, Bumiputera di Sabah dan Bumiputera di Sarawak (Malaysia 2015).

KESIMPULAN

Isi rumah B40 merupakan kumpulan isi rumah yang berhadapan dengan pelbagai dimensi ancaman yang menjejaskan kehidupan mereka. Faktor-faktor kemudahterancaman berpunca daripada dimensi ekonomi, sosial, dan alam sekitar. Kebergantungan terhadap satu punca pendapatan, kos sara hidup yang tinggi, ketidakmampuan pemilikan rumah, keberhutangan tinggi dan pemilikan serta akses terhadap aset-aset merupakan faktor-faktor ekonomi yang menyumbang kepada kemudahterancaman isi rumah B40. Sementara itu, kemudahterancaman daripada faktor-faktor sosial merangkumi tahap pendidikan, pekerjaan, dan kemahiran rendah. Berdasarkan pengenalpastian faktor-faktor ini, kerajaan telah merangka strategi dan program bagi meningkatkan keupayaan isi rumah B40 dalam menjalani kehidupan yang semakin mencabar.

RUJUKAN

- Alkire, S. 2007. Choosing dimensions: The capability approach and multidimensional poverty. In *The many dimensions of poverty* (pp. 89-119). Palgrave Macmillan, London.
- Bank Negara Malaysia (BNM). 2013. Bank Negara Annual Report 2013.
- Bank Negara Malaysia (BNM).2015. Bank Negara Annual Report 2015. Inflation and Cost of Living.
- Bank Negara Malaysia (BNM).2016. Bank Negara Annual Report 2016.
- Ijaiya, G.T., Ijaiya, M.A., Bello, R.A. & Ajayi, M.A. 2011. Economic Growth and Poverty Reduction in Nigeria. *International Journal of Business and Social Science* 2(15):147-154.
- Institut Penyelidikan Khazanah. 2016. The State of Households II. Percetakan Nasional.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2015. Buku tahunan perangkaan. Malaysia: Percetakan Nasional.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2018. Buku tahunan perangkaan. Malaysia: Percetakan Nasional.
- Jain-chandra, S., Kinda, T., Kochhar, K., Piao, S. & Schauer, J. 2016. Sharing the Growth Dividend: Analysis of Inequality in Asia. *IMF Working Paper* 48:1-56.

- Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. 2018. Statistik sosioekonomi: petunjuk sosial. <http://www.mea.gov.my/ms/statistik-ekonomi/petunjuk-sosial>. (akses pada 19 Mac 2018)
- Laporan Penyiasatan Perbelanjaan Isirumah (HES). 2014. Jabatan Statistik Malaysia (DOS).
- Laporan Penyiasatan Perbelanjaan Isirumah (HES). 2016. Jabatan Statistik Malaysia (DOS).
- Laporan Pembangunan Millenium (MDGs). 2015. Laporan Pembangunan Millenium (MDGs). Unit Perancang Ekonomi.
- Malaysia. (2015). *Rancangan Malaysia Kesebelas (2016-2020)*, Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri.
- Stiglitz, J. E. 2014. The Price of Inequality: How Today's Divided Society Endangers Our Future. *Sustainable Humanity, Sustainable Nature: Our Responsibility*:1-21. <https://doi.org/10.1080/0305498750010107> (akses pada 7 Julai 2018)
- Unit Perancang Ekonomi (EPU). 2014. Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya.
- Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. 2015. Rancangan Malaysia ke-11, Kertas Strategi.
- Unit Perancang Ekonomi (EPU). 2016. Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya.
- United Nations. 2016. Sustainable Development GOALS - 17 Goals to transform our world. [https://doi.org/United Nations Development Program \(UNDP\)](https://doi.org/United Nations Development Program (UNDP)) (akses pada 26 Ogos 2018)
- World Bank. 2017. *Atlas of Sustainable Development Goals 2017: From World Development Indicators*. Washington, DC. <https://openknowledge.worldbank.org/handle/10986/26306> (akses pada 19 Ogos 2018)